

PM berjaya harungi cabaran

Ulm - 5/1/2007

KUALA LUMPUR 4 Jan. - Sistem pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah membuktikan beliau berjaya keluar dari bayangan bekas ketuanya, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Pengerusi Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Madya Dr. Rashila Ramli berkata, bukan mudah untuk Abdullah keluar dari era 22 tahun pentadbiran Dr. Mahathir.

"Tetapi bukanlah senang untuk Abdullah mengubah satu sistem dalam jangka masa yang pendek," kata beliau.

Beliau berkata demikian semasa pembentangan kertas kerja bertajuk *Pencapaian Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi: Perspektif Governans dan Gender* pada Seminar Kebangsaan Abdullah Ahmad Badawi: Tiga Tahun di Putrajaya - Menjejak Pencapaian Dan Strategi Masa Depan Negara di sini hari ini.

Rashila menambah, sebenarnya Abdullah masih meneruskan dasar-dasar yang dirancang di bawah Dr. Mahathir tetapi dengan mengambil kira keadaan semasa, beliau telah membuat perubahan yang diperlukan seperti memberi penekanan kepada sektor pertanian dan bioteknologi, pembangunan modal insan, pembasmian rasuah dan sebagainya.

Kata beliau, tiga tahun adalah satu jangka masa yang masih dianggap pendek untuk menilai pencapaian seorang pemimpin.

"Ada interpretasi yang mengatakan bahawa pencapaian seseorang pemimpin cuma boleh dinilai daripada sesuatu yang boleh diukur," tambahnya.

Ada pula, kata beliau, yang mengatakan bahawa isu persepsi tentang kepimpinan juga amat penting.

"Oleh itu, sukar untuk membuat penilaian yang lebih konkrit terhadap pencapaian Abdullah.

"Penilaian dibuat berasaskan program jangka panjang dan jangka pendek yang dilaksanakan beliau," katanya.

Abdullah, kata beliau, telah menghadapi pelbagai cabaran dalam kerjayanya sebagai seorang pemimpin politik.

"Lima cabaran iaitu bayangan mantan Perdana Menteri, mandat rakyat, sokongan parti, perbezaan kelompok Melayu dan hubungan antarabangsa yang dikenal pasti telah ditangani menggunakan sumber yang ada padanya," kata beliau.